

SWM edar tong sampah beroda di Felda Palong 4,5, 6

JEMPOL 6 Sept. - Syarikat SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM) meneruskan pemberian tong sampah beroda secara percuma kepada penduduk di Felda Palong 4,5 dan 6 di sini bagi memastikan perkhidmatan syarikat dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan sistematik.

Pengurus Wilayah SWM Melaka dan Negeri Sembilan, Dr. Al' Ashari Othman berkata, bagi tujuan itu sebanyak 110 unit tong sampah beroda berkapasiti 120 liter dan 8 unit tong sampah beroda berkapasiti 1,100 liter di edarkan kepada pengusaha perniagaan dan penduduk.

"Pihak kami mengharapkan penduduk dapat memanfaatkan tong yang disediakan. Antara lokasi yang diletakkan tong ini adalah dewan orang ramai, pasar awam, pasar tani dan D'Mart Palong 4,5 dan 6," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Penyerahan Tong Sampah beroda dan Taklimat



Pihak kami mengharapkan penduduk dapat memanfaatkan tong yang disediakan. Antara lokasi yang diletakkan tong ini adalah dewan orang ramai, pasar awam, pasar tani dan D'Mart Palong 4,5 dan 6."

DR. AL' ASHARI OTHMAN
Pengurus Wilayah SWM Melaka dan Negeri Sembilan

Kawasan Operasi Khas Pusat Bandar Palong 4,5 dan 6 di sini.

Majlis dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri Palong, Datuk Lilah Yasin.

Yang turut hadir Pegawai Daerah Jempol, Zazali Salehudin.

Al Ashari berkata, penyediaan tong sampah beroda itu dapat mengurangkan risiko lelehan air sampah ketika kerja-kerja kutipan dilaksanakan selain dapat mengelakkan haiwan liar menyelongkar sampah.

"Penyeragaman tong sampah beroda ini adalah tertakluk di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672)," katanya.

Beliau turut mengingatkan penduduk supaya melakukan pengasingan sampah kepada sampah dapur dan domestik dan kitar semula seperti plastik, kertas dan lain-lain lagi.

Sementara itu, Lilah berkata, langkah mengadakan operasi khas pengutipan itu merupakan usaha baik bagi memastikan kebersihan kawasan tersebut.

"Sejajar dengan pembangunan pesat di kawasan ini program seumpamanya akan dapat menaikkan imej Pusat Bandar Palong 4,5 dan 6," katanya.



LILAH YASIN (kiri) dan Dr. Al'Ashari Othman (dua dari kanan) menyerahkan tong sampah beroda kepada wakil penduduk dalam majlis Penyerahan Tong Sampah beroda dan Taklimat Operasi Khas Pusat Bandar Palong 4,5 dan 6, di Jempol, Negeri Sembilan, semalam.